

**PROGRAM JAWI@UiTM****7 JULAI 2023****Disediakan oleh: Asmah Sabtu**

*Program Jawi@UiTM anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Shah Alam telah berlangsung pada 7 Julai 2023 (Jumaat), jam 9 pagi hingga 11 pagi bertempat di Dewan Mukhtar 1, Masjid Al-Wathiqubillah Tunku Mizan Zainal Abidin.*

*Timbalan Pengarah Kanan BHEI Ustaz Mohd Azri Aripin telah sudi menyempurnakan Perasmian Program Jawi@UiTM. Dalam ucapannya, Ustaz Mohd Azri telah menzahirkan penghargaan buat PTAR dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) kerana bersama-sama menjayakan program Jawi@UiTM yang telah memasuki tahun ketiga penganjurannya. Tambahnya lagi, usaha bagi menjadikan BHEI sebagai hub tulisan Jawi di UiTM akan dapat direalisasikan dengan sokongan semua pihak yang turut mendukung visi dan misi yang sama iaitu menyebarkan luas dan memartabatkan tulisan Jawi.*

*Ketua Timbalan Pustakawan dan Menjalankan Tugas Ketua Pustakawan turut hadir sebagai tetamu kehormat dalam program ini. Program Jawi@UiTM telah berlangsung bermula 15 Jun 2023 sehingga 7 Julai 2023 menerusi aktiviti Pertandingan Penulisan Jawi, Forum Semarak Jawi, Klinik Jawi, Diskusi Jawi, program memulihkan Al-Quran (kiosk serahan Al-Quran lusuh/ rosak), pameran, kempen derma darah Pusat Darah Negara, reruai jualan buku Khazanah Fathaniyah, reruai cenderamata dan pameran Mobile Library PTAR.*

